A

MOHD HADY YA'AKOP

lwn.

HASSAN MARSOM & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABDUL KARIM JALIL PK
[GUAMAN SIVIL NO: 21NCVC-05-11-2011]
3 APRIL 2014

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Penahanan - Tuntutan tahanan tidak sah - Plaintif ditahan kerana disyaki terlibat dalam satu pergaduhan - Sama ada perintah reman dikeluarkan dengan teratur dan sahih - Sama ada tuntutan untuk tahanan tidak sah dibenarkan - Plaintif dipukul semasa berada bawah tahanan polis - Pihak polis gagal menyangkal penemuan*
D *bahawa plaintif telah dicederakan - Sama ada ganti rugi untuk kecederaan yang dialami plaintif semasa berada dalam jagaan dan tanggungjawab polis dibenarkan*

TORT: *Ganti rugi - Tuntutan - Plaintif dipukul semasa berada bawah tahanan polis - Kecederaan yang dialami plaintif semasa berada dalam*
E *jagaan dan tanggungjawab polis serius - Pihak polis gagal menyangkal penemuan bahawa plaintif telah dicederakan - Sama ada defendan-defendan bertanggungan secara bersesama - Ganti rugi kesengsaraan dan kesakitan - Sama ada dibenarkan - Sama ada sesuai untuk memberikan*
F *kedua-dua ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk*

Pada malam 21 November 2008, plaintif telah berada bersama SP4 di Kelab Rally, Melaka apabila SP4 menerima panggilan daripada seorang anggota polis yang telah menanyakan sama ada dia terlibat dalam satu pergaduhan yang melibatkan seorang anggota polis
G yang telah dipukul di Restoran Zubaidah, MITC Melaka. SP4 telah diarahkan untuk melapor diri di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), Bukit Beruang Melaka untuk berjumpa dengan seorang anggota polis SD1. Plaintif terpaksa mengikut SP4 ke IPK kerana menumpang kereta SP4. Apabila sampai di IPK, plaintif juga
H dibawa masuk oleh seorang anggota polis dan dibawa ke satu bilik yang terdapat 10 anggota polis yang tidak berseragam. Plaintif dimaklumkan bahawa dia telah ditangkap atas alasan disyaki terlibat dalam pergaduhan di Restoran Zubaidah berkenaan. Plaintif seterusnya menyatakan bahawa dia telah diarah menanggalkan
I bajunya, tangannya telah digari dan anggota polis telah melempang, tendang dan memukulnya dengan teruk, mengakibatkan plaintif pengsan dua kali. Berdasarkan satu permohonan di bawah s. 117

Kanun Prosedur Jenayah, plaintif telah dibawa ke Mahkamah Majistret untuk ditahan reman. Majistret berkenaan telah memerintahkan reman selama tujuh hari. Plaintif bersama-sama empat tahanan lain, termasuk SP4, seterusnya dibawa ke lokap. Menurut plaintif, keadaan tahanan-tahanan lain juga dalam keadaan sakit dan tercedera. Mereka kemudiannya dibawa ke hospital untuk menerima rawatan. Plaintif telah mendapat rawatan serius terhadap paru-parunya yang cedera teruk. Susulan daripada laporan polis D17 yang dibuat oleh SD10 berkenaan dengan kecederaan empat orang tahanan termasuk plaintif, SD6 telah diarahkan sebagai pegawai penyiasat untuk menyiasat aduan di laporan D17 tersebut. Hasil siasatannya SD6 bersetuju bahawa plaintif dipukul dan dicederakan semasa dalam tahanan di IPK. Seterusnya, hasil siasatan berhubung pergaduhan di Restoran Zubaidah MITC mengesahkan plaintif tidak terlibat dan telah tidak dipertuduhkan dengan apa-apa kesalahan berkaitan dengan pergaduhan itu. Dalam tindakan guaman ini, plaintif menuntut, antara lain, relif-relif berikut (i) satu deklarasi bahawa penahanan plaintif dari 22 November 2008 sehingga 5 Disember 2008 adalah tidak sah; (ii) satu deklarasi bahawa hak plaintif di bawah per. 5 Perlembagaan Persekutuan telah dilanggar; (iii) ganti rugi am; dan (iv) ganti rugi khas serta lain-lain relif yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan keputusan liabiliti ke atas defendan-defendan; menolak tuntutan plaintif untuk tahanan tidak sah):

(1) Hasil siasatan SP6 dengan jelas mengesahkan bahawa plaintif telah dipukul dan mengalami kecederaan semasa dalam tahanan dan jagaan polis. Hakikat penemuan ini disokong oleh SD1 yang mengatakan dengan jelas bahawa semasa plaintif hadir di IPK dan sebelum disoal siasat, plaintif telah berada dalam keadaan baik. SD10 juga dengan jelas menyatakan bahawa pada masa dia seharusnya menerima plaintif dan tiga orang tahanan lain, mereka dalam keadaan sakit dan cedera. SP1 dan SP3 meneguhkan penemuan tersebut. Tiada apa-apa kemusykilan untuk menerima keterangan plaintif dan SP4 mengenai peristiwa yang menimpa mereka. (perenggan 4)

(2) Pihak defendan gagal mematahkan atau menyangkal penemuan bahawa plaintif dan tahanan lain telah dipukul dan dicederakan, malahan ia diakui oleh pihak defendan. Yang amat ketara ialah tiada seorang pun yang mengetahui siapakah yang menyebabkan pukulan dan kecederaan itu. Rumusan yang

paling munasabah ialah plaintif telah dicederakan semasa berada dalam jagaan dan tanggungjawab polis. Pihak yang bertanggungjawab semestinya mereka yang terlibat secara langsung dalam menentukan hal ehwal plaintif dijaga dengan baik selaras dengan peraturan dan undang-undang yang mengawal. Oleh itu, defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan ketujuh bertanggungan secara bersesama selaras dengan prinsip tanggungan bersama. (perenggan 5)

(3) Mengambilkira kesengsaraan dan kesakitan, serta adanya pengsan yang disebabkan daripada kecederaan yang dikenakan, serta keluarnya darah daripada paru-paru, mahkamah memberikan RM60,000 untuk ganti rugi kesengsaraan dan kesakitan yang dialami. Ganti rugi teladan sebanyak RM50,000 juga diberi kerana jelas adanya tindakan yang menindas oleh pihak polis ke atas plaintif. Adanya elemen-elemen di mana terdapat unsur hukuman yang harus diberikan untuk perlakuan dalam persoalan. Mahkamah boleh bergantung kepada keadaan, sama ada memberikan ganti rugi teladan atau ganti rugi teruk, namun begitu dalam kes ini adalah sesuai untuk memberikan kedua-dua ganti rugi tersebut. Ganti rugi teruk diberikan sebanyak RM50,000 juga. Seterusnya, mahkamah juga mengikuti kes *Dr Muhamad Fadly Ramly v. Brig Jen (Dr) Dato' Hj Samiran & Ors*, dalam mengawardkan RM2,000 sehari x 14 menjadikannya RM28,000. (perenggan 7, 8 & 11)

(4) Plaintif ditahan dan dibawa ke mahkamah untuk direman atas alasan dia disyaki secara munasabah terlibat dalam satu pergaduhan. Sama ada betul atau tidak, itu bukan persoalan yang harus ditentukan di sini. Namun perintah reman di sini telah dikeluarkan dengan teratur dan sahih oleh Majistret. Tuntutan untuk tahanan tidak sah tidak dibenarkan sepertimana dipohon. (perenggan 10)

Kes-kes yang dirujuk:

Abd Malek Hussin v. Borhan Hj Daud & Ors [2008] 1 CLJ 264 HC ***(dirujuk)***

Bohjaraj Kasinathan v. Nagarajan Verappan & Anor [2001] 4 CLJ 433 HC ***(dirujuk)***

Chong Fook Kam & Anor v. Shaaban & Ors [1968] 1 LNS 23 FC ***(dirujuk)***

Dr Muhamad Fadly Ramly v. Brig Jen (Dr) Dato' Hj Samiran & Ors [2013] 5 CLJ 872 HC ***(dirujuk)***

Halimah @ Norapiah bt Mat Salleh dll v. Paramasivam a/l Saverimuthu & Anor [2008] 2 PIR (28) ***(dirujuk)***

Ketua Polis Daerah Johor Bahru, Johor & Ors v. Ngui Tek Choi [2013] 4 CLJ 47 CA ***(dirujuk)***
Madjai Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors [1999] 7 CLJ 569 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Tan Sri Norian Mai & Ors [2013] 3 CLJ 81 HC ***(dirujuk)***
Mohammad Shafiq Dollah v. Sarjan Mejar Abdul Manaf Jusoh & Yang Lain Dan Satu Kes Lagi [2013] 2 CLJ 1096 HC ***(dirujuk)***
Rookes v. Barnard [1964] 1 All ER 367 ***(dirujuk)***
Roshairee Abd Wahab v. Mejar Mustafa Omar & Ors [1997] 1 CLJ Supp 39 HC ***(dirujuk)***
Saul Hamid Pakir Mohamad v. Inspector Abdul Fatah Abdul Rahman & Anor [1999] 1 LNS 83 HC ***(dirujuk)***
Saul Hamid Pakir Mohamad v. Inspektor Abdul Fatah Abdul Rahman & Anor [2007] 5 CLJ 93 CA ***(dirujuk)***
Zuffre Hj Zakaria v. Nurazmi Hj Layeh [1998] 5 CLJ 824 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 117
Federal Constitution, art. 5

Bagi pihak plaintif - Amardas Jethanand; T/n KP Ng & Amardas
Bagi pihak defendan - Norhasmiza Othman; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Abdul Karim Jalil PK:

[1] Dalam tindakan guaman ini, Mohd Hady bin Ya'akop, plaintif, telah menuntut relif-relif yang berikut terhadap defendan-defendan:

(i) Satu deklarasi bahawa penahanan plaintif dari 22 November 2008 sehingga 5 Disember 2008 adalah tidak sah;

(ii) Satu deklarasi bahawa hak plaintif di bawah per. 5, Perlembagaan Persekutuan telah dilanggar;

(iii) Ganti rugi am;

(iv) Ganti rugi khas;

(v) Ganti rugi teladan dan/atau ganti rugi teruk untuk keseksaan dan kecederaan teruk semasa plaintif dalam tahanan oleh pihak defendan-defendan;

(vi) Faedah ke atas amaun ganti rugi khas pada kadar 4% setahun dari tarikh kecederaan sehingga ke tarikh pemfailan saman dan seterusnya pada kadar 8% setahun dari tarikh pemfailan saman sehingga penyelesaian;

(vii) Faedah ke atas amaun ganti rugi am pada kadar 8% setahun dari tarikh penyampaian saman sehingga tarikh penghakiman dan seterusnya sehingga penyelesaian;

(viii) Lain-lain relif yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah Yang Mulia ini; dan

(ix) Kos.

Latar Belakang

[2] Tuntutan di atas, secara ringkas, timbul daripada rentetan peristiwa sebagaimana yang berikut:

(a) Pada malam 21 November 2008 dan pagi 22 November 2008, antara lebih kurang pukul 10 malam sehingga 3.30 pagi, plaintif bersama Abdul Manan bin Hassan, SP4, sedang berhibur di Kelab Rally, Bukit Baru Melaka dan Red Square Melaka. Pada pukul lebih kurang 3.30 pagi SP4 telah menerima panggilan telefon daripada seorang anggota polis (yang tidak dikenalinya) yang telah bertanya sama ada dia terlibat dalam satu pergaduhan yang melibatkan seorang anggota polis yang telah dipukul di Restoran Zubaidah, MITC Melaka. SP4 menafikan penglibatan dan telah diarah untuk melapor diri di Ibu Pejabat Kontijen ("IPK"), Bukit Beruang, Melaka untuk berjumpa dengan seorang anggota polis bernama Hassan bin Marsom, SD1. SP4 akur dan telah pergi ke IPK tersebut. Walaupun tidak diarahkan atau diminta hadir, plaintif telah dan terpaksa mengikut SP4 ke IPK kerana dia menumpang kereta SP4. Tanpa disedari dan diduga, pagi itu telah menjadi pagi yang amat trajis baginya.

(b) Apabila sampai di IPK, mereka telah berjumpa dengan SD1 di pondok pengawal di hadapan IPK. Hanya SP4 sahaja pada mulanya dibawa masuk oleh SD1, manakala plaintif disuruh duduk dan tunggu di pondok pengawal tersebut. Selepas setengah jam kemudian, plaintif pula telah dibawa masuk oleh seorang anggota polis yang tidak beruniform ke pejabat ASP Leong Moon Chai, SD2. Semasa berada di luar pejabat SD2, SD2 telah memberi isyarat tangan dan susulan daripada isyarat itu, plaintif telah dibawa ke suatu tempat. Igauannya bermula.

(c) Plaintif telah dibawa ke satu bilik yang terdapat sepuluh anggota polis yang tidak beruniform. Mata plaintif seterusnya ditutup dengan sellotape dan ini menyebabkan penglihatannya terhalang. SD1 mengatakan pada masa itu dia telah menangkap plaintif atas alasan disyaki terlibat dalam pergaduhan di Restoran Zubaidah berkenaan. Di dalam satu bilik, plaintif telah disoal siasat berhubung dengan pergaduhan tersebut. Bagaimanapun, plaintif memaklumkan dia tidak terlibat dan berada dengan SP4 di Kelab Rally, Melaka dari pukul 10 malam 21 November 2008 hingga 2 pagi 22 November 2008. Plaintif seterusnya mengatakan dia telah disuruh menanggalkan bajunya, tangannya digari dan anggota polis telah melempang, tendang dan memukulnya dengan teruk. Akibatnya, plaintif telah pengsan sebanyak dua kali.

(d) Berdasarkan satu permohonan di bawah s. 117, Kanun Prosedur Jenayah, yang disediakan oleh Inspektor Mannimannen, SD3, plaintif telah dibawa ke Mahkamah Majistret untuk ditahan reman. Bagaimanapun, SD3 juga tidak tahu kenapa plaintif ditahan. Namun begitu, Majistret berkenaan telah memerintahkan reman selama tujuh hari iaitu dari 22 November 2008 hingga 29 November 2008. Plaintif, bersama-sama empat tahanan lain, termasuk SP4, seterusnya dibawa ke lokap, Balai Polis Melaka Tengah pada pukul lebih kurang 1 tengah hari pada 22 November 2008. Menurut Koperal Nasir bin Jaafar, SD10, yang bertugas sebagai penyelia lokap, empat (4) OKT, termasuk plaintif, didapati mengalami kecederaan. SD10 telah membuat laporan berkaitan seperti di laporan D17 (tab B, ikatan E).

(e) Menurut plaintif setelah SP4 muntah terdengar jeritan untuk membawa mereka yang sakit dan tercedera ke hospital. Mereka kemudiannya dibawa ke hospital Melaka untuk menerima rawatan. Plaintif telah mengadu sakit dada dan sesak nafas dan telah mendapat rawatan serius terhadap paru-parunya yang tercedera teruk. Kecederaan yang dialaminya jika tidak dirawat boleh membawa maut (rujuk keterangan SP1 dan SP3 serta laporan di tab G, ikatan F, berkenaan kecederaan plaintif).

(f) Menurut Inspektor Salim bin Ahmad, SD11, SD2 telah juga mengarahkan empat orang suspek dihantar ke hospital. SD10 pula menyatakan bahawa SD2 sendiri telah menelefonnya untuk mengetahui keadaan plaintif serta suspek yang lain. Selain itu, SD11 juga mengatakan SD2 terlibat dalam penyiasatan berhubung dengan pergaduhan di MITC.

(g) Susulan daripada laporan polis D17 yang dibuat oleh SD10 berkenaan dengan kecederaan empat orang tahanan termasuk plaintif, Bukit Aman telah mengarahkan Inspektor Fahmi Visunathan Abdullah, SD6, sebagai pegawai penyiasat untuk menyiasat aduan di laporan D17 tersebut. Hasil siasatannya, SD6 bersetuju bahawa plaintif telah dipukul dan dicederakan semasa dalam tahanan di IPK, Melaka. SD6 menyatakan bahawa tiadanya kerjasama daripada pihak polis berhubung dengan siapakah yang telah memukul dan menyebabkan kecederaan ke atas plaintif dan SP4. SD6 bersetuju bahawa plaintif dan SP4 di bawah jagaan dan tanggungjawab polis pada semua masa berkenaan. SD6 mengesahkan bahawa plaintif telah dibawa ke beberapa tempat iaitu pejabat bahagian risikan jenayah D4, bahagian kongsi gelap D7, dan bahagian jenayah berat D9, IPK. SD6 juga mengesahkan D7 di bawah kawalan SD2. SD6 selanjutnya mengesahkan bahawa tiada siasatan jabatan berhubung dengan pukulan yang telah berlaku itu dan oleh kerana ketiadaan kerjasama daripada pihak polis yang berkenaan, SD6 tidak dapat memastikan siapakah yang telah memukul dan mencederakan plaintif.

(h) Hasil siasatan berhubung pergaduhan di Restoran Zubaidah MITC mengesahkan plaintif tidak terlibat. Plaintif telah tidak dipertuduhkan dengan apa-apa kesalahan berkaitan dengan pergaduhan itu.

[3] Saya telah mempertimbangkan dan menghayati kertas kausa, penyata-penyata saksi dan keterangan yang telah dikemukakan, lisan dan dokumentar, serta penghujahan yang amat bernas yang diberikan oleh kedua-dua pihak. Saya dapati bahawa peristiwa pada pagi 22 November 2008 merupakan peristiwa yang amat malang bagi plaintif. Di sinilah terjumlahnya apa yang dikatakan sebagai malang tidak berbau.

Liabiliti

[4] Setelah dikaji dan dihayati, saya dapati adanya pengelakkan dan penafian nyata oleh semua pihak polis yang terlibat seolah-olah plaintif ini tidak disentuh dan seolah-olah peristiwa ini terjadi dengan begitu sahaja. Tetapi pegawai penyiasat SP6 dengan jelas mengatakan bahawa kejadian ini berlaku semasa plaintif berada dalam tahanan polis. Hasil siasatan SP6 dengan jelas mengesahkan bahawa plaintif telah dipukul dan mengalami kecederaan semasa dalam tahanan dan jagaan polis. Hakikat penemuan ini disokong

oleh SD1 yang mengatakan dengan jelas bahawa semasa plaintif hadir di IPK dan sebelum disoal siasat plaintif dalam keadaan baik. SD10 juga dengan jelas menyatakan bahawa pada masa dia seharusnya menerima plaintif dan tiga orang tahanan lain, mereka dalam keadaan sakit dan cedera. Keterangan SP1 dan SP3 meneguhkan penemuan tersebut. Daripada keterangan tersebut saya tiada apa-apa kemusykilan untuk menerima keterangan plaintif dan SP4 mengenai peristiwa yang menimpa mereka.

[5] Mengambil kira keseluruhan fakta dan keterangan tersebut, saya dapati pihak defendan bukan sahaja gagal untuk mematahkan atau menyangkal penemuan di atas malahan hakikat dipukul dan dicederakan itu diakui oleh pihak defendan. Ini jelas dapat diperhatikan daripada pemeriksaan balas saksi-saksi defendan yang mengakui dan tidak disoal semula. Daripada hasil siasatan SP6 walaupun mengakui akan berlakunya pukulan dan kecederaan semasa dalam tahanan dan jagaan polis, yang mendapat kerjasama semua saksi polis, namun apa yang amat ketara ialah tiada seorang pun yang mengetahui siapakah yang menyebabkan pukulan dan kecederaan itu. Di sinilah terserlah pengelakkan daripada semua pihak. SP6 juga tidak dapat membuat apa-apa rumusan berkenaan dengan siapakah penyebab musibah tersebut ke atas plaintif. Seperti diperkatakan pada awal penghakiman ini kecederaan ke atas plaintif seolah-olah berlaku dengan sendiri dan tanpa disentuh oleh mana-mana pihak polis. Ini amat tidak logikal dan tidak munasabah. Seorang yang baru lepas berhibur dan segar sihat semasa sampai di balai dan sebelum disoal siasat didapati tercedera dengan serius dan hampir maut semasa berada dalam tahanan dan jagaan polis pada setiap masa material tersebut. Dalam keadaan keterangan dan fakta primer yang dibentangkan di atas dan kebanyakan diakui, rumusan yang paling munasabah ialah plaintif telah dicederakan semasa berada dalam jagaan dan tanggungjawab pihak polis. Dalam keadaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab semestinya mereka yang terlibat secara langsung dalam menentukan hal ehwal plaintif dijaga dengan baik selaras dengan peraturan dan undang-undang yang mengawal. Dari sudut ini saya dapati dan merumuskan bahawa defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan ketujuh bertanggungan secara bersesama selaras dengan prinsip tanggungan bersama (vicarious liability).

[6] Jikalau saya terkhilaf tentang isu ini, sekurang-kurangnya defendan pertama dan kedua (dan tentunya defendan ketujuh) harus dipertanggungjawabkan terutamanya hakikat bahawa plaintif telah dibawa ke atas dan disuruh tunggu di luar pejabat

SD2, pegawai pengawal D7. Dengan isyarat tangan oleh SD2, dan dengan adanya arahan kepada SD2 untuk mengambil tindakan dan menjalankan siasatan ekoran daripada laporan pergaduhan yang melibatkan seorang anggota polis di Restoran Zubaidah, MITC, plaintif telah dibawa ke beberapa tempat untuk disoal siasat. Walaupun saya keluarkan defendan kelima, SAC Muhammad Adnan bin Abdullah, SD8, daripada senarai kebertanggungan, saya berpendapat penetapan liabiliti ke atas empat orang berkenaan memadai kerana mereka telah terlibat secara terus.

Kuantum

[7] Mengenai kuantum, bagi ganti rugi am untuk kecederaan yang dihadapi oleh plaintif, sepertimana digariskan di perenggan 11, pernyata tuntutan terpinda (ms. 9: ikatan A), termasuk serangan dan bateri (assault and battery), Encik Amardas, peguam plaintif yang terpelajar, mengesyorkan RM150,000 sebagai jumlah global, manakala Puan Norhasmiza, Peguam Kanan Persekutuan yang terpelajar, mengesyorkan berdasarkan kes perbandingan *Halimah @ Norapiah bt Mat Salleh dll v. Paramasivam a/l Saverimuthu & Anor* [2008] 2 PIR (28). Saya perhatikan kes-kes yang sedemikian award adalah dalam lingkungan RM120,000. Walau bagaimanapun setelah saya mengambil kira kesengsaraan dan kesakitan (pain and suffering), adanya pengsan yang disebabkan daripada kecederaan yang dikenakan, keluarnya darah daripada paru-paru, saya berpendapat, tanpa ada nas kes bandingan yang sama, saya memberikan separuh iaitu RM60,000 untuk ganti rugi kesengsaraan dan kesakitan yang dialami. Dengan ketiadaan laporan pakar untuk ketidakupayaan lain, saya berikan RM60,000.

[8] Saya juga berpendapat, berdasarkan nas-nas kes yang dikemukakan iaitu *Rookes v. Barnard* [1964] 1 All ER 367, *Zuffre Hj Zakaria v. Nurazmi Hj Layeh* [1998] 5 CLJ 824, *Roshairee Abd Wahab v. Mejar Mustafa Omar & Ors* [1997] 1 CLJ Supp 39; [1996] 3 MLJ 337, *Bohjaraj Kasinathan v. Nagarajan Verappan & Anor* [2001] 4 CLJ 433; [2001] 6 MLJ 497, plaintif juga layak mendapat ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk tetapi bukan dalam jumlah yang disyorkan oleh peguam plaintif yang terpelajar. Berdasarkan nas-nas kes tersebut dan keadaan-keadaan serta suasana kes ini, saya memberikan ganti rugi teladan sebanyak RM50,000 dan saya juga berpendapat amat sesuai sekali ganti rugi ini diberikan dalam kes ini kerana jelas, dan tidak dapat disangkal, adanya tindakan yang menindas (oppressive) atau sewenang-wenangnya (arbitrary) oleh pihak polis ke atas plaintif. Diperhatikan dan tidak dapat dinafikan plaintif bukan pergi ke balai kerana

dipanggil, diundang atau disyaki tetapi hanya pergi menemankan SP4. Tetapi kemudian lain pula ceritanya. Saya juga dalam kes ini berpendapat adanya elemen-elemen di mana terdapat unsur hukuman yang harus diberikan untuk perlakuan dalam persoalan. Selalunya dalam kes begini, mahkamah boleh, bergantung kepada keadaan, memberikan sama ada ganti rugi teladan atau ganti rugi teruk, namun begitu dalam kes ini saya berpendapat adalah sesuai untuk memberikan kedua-dua ganti rugi tersebut. Saranan ini disokong oleh kes-kes seperti *Dr Muhamad Fadly Ramly v. Brig Jen (Dr) Dato' Hj Samiran & Ors* [2013] 5 CLJ 872 dan *Roshairee Abd Wahab v. Mejar Mustafa Omar & Ors*, *supra*. Di samping ganti rugi teladan, saya juga memberikan ganti rugi teruk sebanyak RM50,000.

[9] Walau bagaimanapun, untuk tuntutan tahanan tidak sah, saya telah membaca penghujahan peguam plaintif dan Peguam Kanan Persekutuan dan saya telah juga merujuk kepada beberapa nas termasuk yang terkemudian iaitu kes *Ketua Polis Daerah Johor Bahru, Johor & Ors v. Ngui Tek Choi* [2013] 4 CLJ 47; [2013] 1 LNS 130. Mahkamah Rayuan dalam kes ini memutuskan dalam "Held" seperti yang berikut:

> (3) It is trite law that a remand order, once issued, constitutes the act of a judicial authority under s. 117 of the CPC and any police officer acting in obedience to such an order is immune from liability for such lawful detention. Applying the principles in the cases of *Chong Fook Kam & Anor v. Shaaban & Ors*, *Madja Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors* and *Saul Hamid Pakir Mohamad v. Inspektor Abdul Fatah Abdul Rahman & Anor* as regards the effect of a remand order issued under s. 117 of the CPC as well as the provisions of s. 32(1) of the Police Act 1967, for all intents and purposes, the plaintiff's detention was a judicial act of the Magistrate for which the defendants could not be held liable for false imprisonment. The defendants, in detaining the plaintiff were merely acting in obedience to the remand order and were immune from liability. (para 24)
>
> (4) Since the issue of a remand order under s. 117 of the CPC was an exercise of a Magistrate's criminal jurisdiction, the relevant High Court which has the jurisdiction to set aside the order is a High Court exercising its criminal, appellate or revision power under the CPC and the Courts of Judicature Act 1964. In the present appeal, the plaintiff neither pleaded the unlawfulness of the remand order nor challenged the remand order by way of an appeal or revision under the relevant provisions of the CPC. In the circumstances, the remand order remained a lawful order unless and until it is set aside by a High Court exercising its

criminal appellate or revision power. It was not the function of the learned JC in the instant case, in determining a civil claim for unlawful detention, to go behind the remand order and to question its legality or the manner in which it was obtained. (paras 33, 34 & 45-48)

Mahkamah Rayuan telah mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan. Dalam memutuskan demikian, Mahkamah Rayuan telah merujuk dan bersandar kepada keputusan kes-kes seperti *Chong Fook Kam & Anor v. Shaaban & Ors* [1968] 1 LNS 23 (MP), *Madjai Sanusi v. Pengarah Imigresen Negeri Johor & Ors* [1999] 7 CLJ 569, dan *Saul Hamid Pakir Mohamad v. Inspektor Abdul Fatah Abdul Rahman & Anor* [2007] 5 CLJ 93 (MR); [1999] 1 LNS 83 (MT), kes yang sama juga dirujuk oleh Peguam Kanan Persekutuan.

[10] Dalam keadaan yang agak serupa dengan kes di atas, walaupun pada mulanya adanya kedudukan yang telah diperkatakan plaintif tidak mempunyai apa-apa kaitan, tetapi ada keterangan, walaupun SD1 mengatakan dia menangkap SP4 atas arahan SD11, yang menyatakan dia (SD11) tidak ada kena mengena dengan siasatan tetapi dikatakan dalam rekod sebagaimana yang dikemukakan, plaintif ditahan dan dibawa ke mahkamah untuk direman atas alasan dia disyaki secara munasabah terlibat dalam pergaduhan di Restoran Zubaidah di MITC. Sama ada betul atau tidak, itu bukan persoalan yang harus ditentukan oleh saya dari segi itu. Namun perintah reman di sini telah dikeluarkan dengan teratur dan sahih oleh Majistret. Dengan itu saya tidak membenarkan tuntutan untuk tahanan tidak sah sepertimana dipohon.

[11] Jika saya tersilap di sini, jumlah ganti rugi dalam kes sebegini tidak tetap kedudukannya (fluctuating) dan akan bergantung kepada keadaannya tersendiri. Dalam kes *Mohamad Ezam Mohd Nor & Ors v. Tan Sri Norian Mai & Ors* [2013] 3 CLJ 81, Mahkamah Tinggi dalam kes itu memberikan RM15,000 sehari. Dalam kes-kes *Abd Malek Hussin v. Borhan Hj Daud & Ors [2008] 1 CLJ 264*; [2008] 1 MLJ 368, dan *Mohammad Shafiq Dollah v. Sarjan Mejar Abdul Manaf Jusoh & Yang Lain Dan Satu Kes Lagi* [2013] 2 CLJ 1096, yang dikemukakan oleh peguam plaintif, ganti rugi diberikan ialah sebanyak RM25,000 sehari. Bagaimanapun, dalam keadaan kes ini, saya lebih cenderung untuk mengikuti kes *Dr Muhamad Fadly Ramly v. Brig Jen (Dr) Dato' Hj Samiran & Ors* [2013] 5 CLJ 872, iaitu RM2,000 sehari ie, RM2,000 sehari x 14 menjadikannya RM28,000.

[12] Untuk ganti rugi misfeasance of public office, saya tidak membenarkan ganti rugi ini kerana misfeasance ini merupakan satu item tambahan yang hanya boleh diberikan dalam keadaan yang sesuai dan jika diberikan juga dalam kes ini saya berpendapat perintah tersebut mungkin mempunyai elemen pertindihan kerana di sini ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk telah pun diberikan. Misfeasance di sini melibatkan salah laku pihak berkuasa awam iaitu polis.

Kesimpulan

[13] Dengan itu, atas imbangan kebarangkalian, saya membenarkan tuntutan plaintif dengan keputusan liabiliti ke atas defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan ketujuh sepertimana dinyatakan di atas dan kuantum yang saya benarkan ialah sebanyak RM160,000, ganti rugi khas sebanyak RM100 dan kos sebanyak RM10,000 serta faedah 4% dari tarikh kecederaan sehingga penyelesaian penuh.